

Bekas Mufti Selangor meninggal

Oleh Rafidah Mat Ruzki
dan Farhana Farush Khan

SHAH ALAM: Bekas Mufti Selangor, Datuk Ishak Baharom, 80, meninggal dunia di Hospital Sungai Buloh, dekat sini, pada jam 3.20 petang semalam, kerana komplikasi tekanan darah.

Penolong Pengarah Unit Perhubungan Awam, Jabatan Agama Islam Selangor (Jais), Mohd Hidayat Abdul Rani, berkata jenazah Ishak dibawa pulang ke kediamannya di Taman Sri Andalas, Klang, dekat sini sebelum dijangka dikebumikan di Makam Diraja Shah Alam, di sini, pagi ini, selepas disembahyangkan di Masjid Lipat Kajang, Andalas di Klang.

Katanya, Ishak tidak sedarkan diri



Ishak Baharom

ketika dikejutkan isterinya, Datin Khalijah Abdullah, 48, pagi kelmarin, sebelum dikejarkan ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR).

Bagaimanapun, berikutan keadaan Ishak yang semakin kritikal, beliau dipindahkan ke HSB, kira-kira jam 6 petang kelmarin.

Allahyarham meninggalkan seorang balu, Khalijah dan empat anak termasuk seorang anak angkat, Shahmun, 42; Ahmad Fuad, 39, Nawal, 35 dan Nasim, 2. Isteri pertama Ishak, Maznah Yusuf sudah meninggal dunia.

Ishak yang memiliki ijazah dalam bidang syariah, mula berkhidmat sebagai Mufti Selangor kelima secara lantikan kontrak dua tahun sekali, pada 16 Ogos 1985 sebelum dilanjutkan sehingga 1989.

Kontrak Ishak disambung semula pada 1991, 1993, 1995 sehingga 1997. Jawatan itu kemudian disandang Datuk Mohd Tamyas Abd Wahid pada 1998 yang berkhidmat sehingga kini.

Ketika pelantikannya, Ishak berusia 58 tahun, selepas tiga tahun bersara sebagai guru agama.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam, Belia dan Mesra Rakyat Selangor, Datuk Abdul Rahman Palil, berkata Ishak adalah tokoh ulama yang disegani ketika beliau berkhidmat sebagai mufti di negeri itu.

"Ketika masih menjadi mufti dulu, ceramah yang disampaikan Ishak sangat berkesan dan mudah diterima.

"Semoga rohnya ditempatkan di kalangan orang yang beriman," katanya.